



**SISTEM ePEROLEHAN
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA**

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

TARIKH IKLAN : 15 FEBRUARI 2024 (KHAMIS)

Tender adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dalam kod bidang 060101 untuk mengambil bahagian di dalam tender berikut:-

| BUTIR-BUTIR TAWARAN | JADUAL T/P&P | TARIKH/MASA/TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK (Kehadiran Taklimat/Lawatan Tapak DIWAJIBKAN) | SYARAT PENYERTAAN TENDER | KAEDAH PEROLEHAN |
|--|--------------|---|--|-------------------|
| <p>[FTA(CPTPP)] Tender Membekal Dan Menghantar Reagen Secara <i>Instrument Placement</i> Sebanyak 8,100,000 Ujian Bagi Ujian HBA1C Di Jabatan Patologi Hospital-Hospital Dan Klinik Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Tempoh Empat (4) Tahun (Maklumat lanjut sila layari laman web Kementerian Kesihatan Malaysia dan <i>MyProcurement</i>) [Tawaran petender dibenarkan dalam BM/ENG]</p> <p>No. Tender : QT230000000027296</p> | 13/2024 | <p>Tarikh : 19 Februari 2024 (Isnin) Masa : 10.00 pagi</p> <p>Melalui pautan <i>Google Meet</i> seperti berikut :-</p> <p>meet.google.com/ria-puyv-uhf</p> | <p>1) Petender yang berminat DIWAJIBKAN hadir ke sesi taklimat secara dalam talian. Kegagalan mengisi Borang Pengesahan Kehadiran semasa sesi taklimat berlangsung akan dianggap tidak menghadiri sesi taklimat tender tersebut.</p> <p>2) Perolehan ini tertakluk kepada syarat CPTPP seperti berikut:</p> <p>(i) Hak Kerajaan untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat Kerajaan menyetujui terima keputusan rundingan;</p> <p>(ii) Pelawaan tender ini boleh dipertimbangkan perubahan dan pelanjutan tempoh kontrak tidak melebihi 50% daripada nilai kontrak asal dan/atau maksimum dua (2) tahun tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa;</p> <p>(iii) Harga yang ditawarkan pembida juga adalah tertakluk kepada penentuan Keutamaan Harga (<i>Margin Of Preference – MOP</i>); dan</p> <p>(iv) Program Kolaborasi Industri (ICP) (jika berkaitan)</p> | Secara ePerolehan |

* PERHATIAN: SILA RUJUK DOKUMEN TAWARAN - SYARAT-SYARAT, ARAHAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN TENDER YANG TERKINI DALAM SISTEM ePEROLEHAN

Telecenter:

**Bahagian Perolehan dan Penswastaan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 PUTRAJAYA
No. Telefon : 03-8883 3022**

Dokumen Tender boleh disemak mulai **15 Februari 2024 (Khamis)** dengan melayari **www.eperolehan.com.my**.

Pembekal yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled*. Sistem ePerolehan mempelawa pembekal secara **Auto Invite** dan hanya pembekal yang mempunyai kod bidang berkenaan sahaja layak menyertai tender tersebut.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan pada atau sebelum **01 April 2024 (Isnin), jam 12.00 tengah hari**. Semua dokumen pelawaan, dokumen tawaran dan dokumen sokongan hendaklah dikemukakan secara elektronik dan penyerahan **dokumen secara manual adalah tidak dibenarkan**. Penyerahan secara manual hanya dibenarkan bagi sampel sahaja (jika berkenaan). Pihak tuan adalah dimohon untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) 2.2 perenggan 5.7(iii) dan perenggan 15.1(viii) dibaca bersama PP/PK5.1 Lampiran 4 perenggan 9.2 yang memberi maksud untuk **TIDAK memaparkan nama syarikat pada dokumen teknikal**.

Tawaran yang lewat tidak akan diterima.

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran.

Syarikat/Firma/Koperasi/Pemilikan Tunggal* hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih;

Atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

*Yang mana berkenaan

**Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan Malaysia**